

Analisis Isu-isu dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah*

Analysis of Issues in *al-Qira'at al-Shadhdhah*

AHMAD ZULFIQAR SHAH ABDUL HADI
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH
SABRI MOHAMAD
MOHD ABDUL NASIR ABDUL LATIF

ABSTRAK

Al-Qira'at al-Shadhdhah ialah bacaan *al-Qur'an* yang telah gugur satu rukun atau lebih daripada rukun *Qira'at al-Sahihah*, iaitu sanad yang mutawatir, tepat dengan kaedah bahasa Arab dan Rasm 'Uthmani. Bersandarkan banyak hadith yang membincangkan keluasan dan kemudahan yang diberikan Rasulullah SAW dalam konsep Sab'ah Ahruf membuatkan wujudnya *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Banyak kekeliruan timbul dalam menjawab beberapa permasalahan yang timbul daripada perbincangan *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Justeru, tulisan ini bertujuan untuk menonjolkan maklumat seterusnya menganalisis isu dan permasalahan yang terdapat dalam perbincangan *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Bagi mencapai tujuan ini, metode dokumentasi terhadap bahan berkaitan digunakan. Kajian ini mendapati pengkajian *al-Qira'at al-Shadhdhah* turut berperanan dalam pengembangan ilmu *qira'at*, di samping kajian terhadap *al-Qira'at al-Mutawatirah*. Isu dan permasalahan *al-Qira'at al-Shadhdhah* merupakan kajian yang perlu dikembangkan untuk menjamin autoriti *al-Qur'an* dijaga dan dipelihara.

Kata kunci: *al-Qira'at al-shadhdhah*; rukun *al-qira'at*; sanad *al-qira'at al-shadhdhah*; *al-'ardah al-akhirah*

ABSTRACT

Al-Qira'at al-Shadhdhah (unusual recitation) is a type of *Qur'anic* recitation of which one or more of recitational requirements have been omitted from the established rule of *al-Qira'at al-Sahihah* (authentic recitation) i.e the narration which is mutawatir conforms to Arabic language grammar, and written in the 'Uthmani script. According to several hadith, the *al-Qira'at al-Shadhdhah* emerged from the Sab'ah Ahruf concept which originated from the Prophet SAW. Nevertheless, several issues arose due to confusion with regard to this matter. This article attempts to analyze and discuss the issues. The method used in this research was document analysis. The finding of the research shows that discussion on *al-Qira'at al-Shadhdhah* also contributed to developing the art of *al-Qira'at* (recitation of *al-Qur'an*) and *al-Qira'at al-Mutawatirah*. It is suggested that issues in *al-Qira'at al-Shadhdhah* to be further discussed since it could contribute to the corpus of knowledge about *al-Qur'an*.

Keywords: *al-Qira'at al-shadhdhah*; rule of *al-qira'at*; sanad *al-qira'at al-shadhdhah*; *al-'ardah al-akhirah*

PENDAHULUAN

Ibn al-Jazari (m.751H) mendefinisikan *al-Qira'at* sebagai, "Suatu ilmu yang membincangkan tentang kaedah dan tatacara menyebut sesuatu perkataan atau kalimah *al-Qur'an* dan perselisihan yang berlaku dengan bersandarkan kepada periwayatnya" (Ibn al-Jazari 1994). Manakala perkataan *al-Shadhdhah* dari sudut bahasa merupakan kata terbitan daripada perkataan (شذ – يشذ – شذوا وشذونا), ialah yang merujuk kepada individu yang berpisah dari kumpulan, sedikit atau terpisah (Ibn Faris 1991). Manakala dari sudut istilah, ia boleh disimpulkan kepada empat definisi berikut:

1. Mendefinisikan *al-Shadhdhah* sebagai bacaan yang tidak mencapai tahap *mutawatir*. Antara ulama yang mendefinisikan sedemikian ialah al-Sakhawi (2008) dalam kitabnya *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*, nukilan daripada pandangan Ibn al-Hajib dalam kitabnya yang diulas oleh Shams al-Din al-Asfahani (1986), iaitu *Bayan al-Mukhtasar Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib*, al-Safaqisi (2004) dalam kitabnya, *Ghayth al-Naf'i fi al-Qira'at al-Sab'i* dan al-Suyuti (1988) dalam kitabnya, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*.
2. Definisi yang dikemukakan oleh Makki ibn Abi Talib al-Qaysi (1977), iaitu "Sesuatu yang menyalahi, sama ada *al-rasm* (tulisan) atau

- kaedah bahasa Arab, walaupun ia diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* daripada perawi yang juga *thiqah*, atau daripada perawi yang tidak *thiqah* atau *thiqah* akan tetapi tidak *mashhur*". Definisi ini disokong oleh Ibn al-Jazari (1999) dalam *Munjid al-Muqr'in wa Murshid al-Talibin* dengan menyatakan bahawa *al-Shadhdhah* itu merujuk kepada sanad yang sah, tepat dengan bahasa Arab akan tetapi menyalahi *Rasm al-Qur'an*, sama ada berlaku penambahan, pengurangan atau pertukaran kalimah.
3. Definisi yang dikemukakan oleh Jalal al-Din al-Balqini (2007) dalam kitabnya, *Mawaqi' al-'Ulum fi Mawadi' al-Nujum*, iaitu "Bacaan Shadhdhah ialah *qira'at* para tabi'in seperti Sa'id ibn Jubayr, Ibn Muhaysin, Ibn Abi 'Abalah, al-A'mash, Yahya ibn Wathab dan sebagainya".
 4. Definisi yang dipegang oleh ramai ulama *qira'at*, iaitu bacaan yang telah gugur satu rukun atau lebih daripada rukun *al-Qira'at al-Sahihah*, iaitu sanad yang *mutawatir*, tepat dengan kaedah bahasa Arab dan *Rasm 'Uthmani*. Antara yang berpendapat sedemikian ialah Abu Shamah (1985) dalam kitabnya, *al-Murshid al-Wajiz Ila 'Ulum Tata'allaq bi al-Kitab al-'Aziz* dan al-Nuwayri (2003) dalam kitabnya, *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*".

Kesimpulan daripada pelbagai definisi yang dikemukakan pengkaji cenderung memilih definisi yang dikemukakan oleh para ulama *qira'at* kerana ia jelas menunjukkan perkaitan dengan rukun *qira'at* yang menjadi pegangan kebanyakan ulama *qira'at* dan selainnya. Selain daripada itu, kekurangan satu daripada syarat tersebut menunjukkan bacaan berkenaan menyalahi *al-Qira'at al-Mutawatirah* yang disepakati.

RUKUN BACAAN QIRA'AT YANG DITERIMA

Tiada keraguan pada punca berlakunya perbezaan *qira'at* itu bermula daripada kebenaran yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada para Sahabat RA untuk mengikut satu daripada *Sab'ah Ahruf* yang menjadi *rukhsah* (keluasan) kepada mereka (Mohd Yusoh 1992). Perbezaan yang dibenarkan ini bukan bertujuan untuk menimbulkan perselisihan, akan tetapi ia mempunyai faedah yang khusus. Antara faedah perbezaan dengan berbilangnya *qira'at* ialah:

1. Keringanan dan menjadi kemudahan kepada para penganut Islam pada zaman Rasulullah SAW (al-Dani 2010; al-Tahhan & al-Dani 1988).
2. Ia merupakan bukti yang jelas bahawasanya al-Qur'an itu datang daripada Allah SWT untuk sekalian manusia (Shalabi 1999).
3. Pengiktirafan kepada beberapa bentuk loghat kabilah-kabilah Arab, antaranya bacaan *tashil*, *imalah* dan *idgham* (Shalabi 1999).
4. Pemeliharaan terhadap bahasa Arab *fusha*, sama ada dalam bentuk tulisan dan sebutan melalui pemindahan riwayat yang berlaku secara terperinci (Umar & Mukarram 1985).
5. Menjadi hujah atau sandaran bagi pengkaji bahasa Arab dalam tatabahasa Arab (al-Anbari 1377H).
6. Bertindak sebagai sumber pendalilan bagi antara dua hukum syarak (Shalabi 1999).

Berdasarkan faedah dan tujuan ini, bacaan *qira'at* merupakan sesuatu yang direncanakan oleh Allah SWT dan bukan hanya kebetulan yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan para Sahabat RA. Justeru, hasil daripada itu menjadikan pelbagai bentuk bacaan *qira'at* telah muncul. Oleh kerana masalah *qira'at* ini menyentuh kesucian al-Qur'an, para ulama *qira'at* telah meletakkan garis panduan untuk membezakan antara yang *sahih* dan *shadh*. Garis panduan yang telah disepakati oleh ulama *qira'at* ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Jazari (1994):

Setiap apa yang bertepatan dengan bentuk *nahw* dan mengandungi seperti mana *Rasm 'Uthmani*, sekalipun secara *ihtimal* dan sanadnya sah, dan ia adalah al-Qur'an, ketiga-tiga rukun ini, ketika mana cacat satu daripada rukun yang ditetapkan, ia adalah *Shadh* sekalipun ia terdapat pada *qira'at* Tujuh.

Pandangan Ibn al-Jazari ini telah dijelaskan oleh beliau selanjutnya, iaitu:

Setiap *qira'at* yang bertepatan dengan bahasa Arab walaupun dengan satu wajah, bertepatan dengan *Rasm 'Uthmani* walaupun dengan secara *ihtimal* dan sah sanadnya, ia adalah *al-Qira'at al-Sahihah* yang tidak harus ditolak dan diingkari, bahkan ia adalah *Huruf Tujuh* yang al-Qur'an turun dengannya, dan wajib ke atas manusia menerimanya, sama ada ia daripada imam yang tujuh atau sepuluh ataupun selain mereka daripada imam-imam yang diterima, dan apabila cacat satu rukun daripada rukun-rukun yang tiga ini, ia dipanggil *da'if* atau *Shadhdhah* atau *Batilah*, sama ada ia daripada imam yang tujuh atau sesiapa yang lebih hebat daripada mereka. Inilah yang sah di sisi para imam *Tahqiq* daripada *salaf* dan *khalaf* (Ibn al-Jazari 1994)

Berkenaan ketiga rukun itu, al-Qadi (1999) menegaskan rukun pertama, iaitu periwayatan secara *mutawatir* ialah asas kepada rukun *qira'at*. Rukun kedua dan ketiga ialah tentang keselarian dengan bahasa Arab dan *Rasm 'Uthmani* yang merupakan pelengkap kerana menurut beliau apabila bacaan *al-qira'at* itu *mutawatir*, dengan sendirinya ia tidak bersalahan dengan bahasa Arab dan *Rasm 'Uthmani*.

Al-Qaysi (1977) dan al-'Adawi (2006) pula menyatakan penerimaan dan penolakan sesuatu *qira'at* itu terbahagi kepada tiga, iaitu:

1. Sesuatu bacaan adalah diterima apabila ia memenuhi tiga rukun bacaan *al-qira'at*. Ini berdasarkan juga seperti mana kenyataan Ibn al-Jazari (1994), iaitu: "Dan apabila gugur satu rukun daripada tiga rukun berkenaan, akan digolongkan sama ada menjadi *da'if*, *shadh* atau *batilah*".
2. Sesuatu bacaan adalah diterima akan tetapi tidak boleh dibaca, iaitu merujuk kepada sanadnya yang *Ahad*, selari dengan kaedah bahasa Arab, namun ia bersalahan dengan *Rasm 'Uthmani*.
3. Bacaan yang ditolak dan tidak boleh dibaca, iaitu bacaan yang diambil daripada perawi yang tidak *thiqah* (dipercayai), sekalipun *thiqah* akan tetapi ia menyalahi kaedah bahasa Arab tetap tidak diterima sekalipun ia selari dengan *mashaf 'Uthmani*.

FAKTOR BERLAKUNYA AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH

Pada zaman Rasulullah SAW, Baginda menjadi tempat rujukan untuk semua bentuk bacaan al-Qur'an. Keadaan yang aman dan tenang masih lagi berlaku secara keseluruhannya tentang bacaan al-Qur'an pada zaman Khalifah Abu Bakr al-Siddiq RA dan Khalifah 'Umar al-Khattab RA. Akan tetapi, keadaan ini tidak berlaku lagi pada zaman Khalifah 'Uthman ibn 'Affan RA kerana wilayah pemerintahan Islam sudah tersebar luas. Justifikasi asal bacaan al-Qur'an yang bertujuan memudahkan umat, bertukar menjadi pertelingkahan dalam kalangan umat Islam pada ketika itu (Muhammad 2003). Atas persetujuan syura Sahabat RA pada ketika itu, Khalifah 'Uthman RA telah memerintahkan agar segala perselisihan diselesaikan. Khalifah 'Uthman telah memerintahkan supaya dibuat penyalinan al-Qur'an daripada naskhah asal yang berada dalam tangan

Hafsa binti 'Umar RA untuk disebarikan kepada pelosok tanah jajahan Islam. Ia bertujuan untuk menyatukan bacaan al-Qur'an dan mengelakkan fitnah dan pertelingkahan yang berlanjutan (al-Tabari 2000). Semasa mengulas tentang timbul dan tersebarinya pelbagai *qira'at*, Ibn Jinni (1988) telah berkata: "... riwayat mengenai *qira'at* yang bersifat *marfu'* kepada Rasulullah SAW seperti ini dan yang seumpama dengannya telah mempercepatkan tersebarinya *qira'at-qira'at* seperti ini ...".

Selain itu, bacaan *qira'at* pada lafaz al-Qur'an juga tidak melibatkan ijtihad. Ini jelas seperti mana kata-kata Imam al-Shatibi (2005) dalam kitabnya, *Hirz al-Amani*, "Tidak ada tempat ruang masuk bagi *qiyas* dan ijtihad dalam ilmu *qira'at*. Terimalah dengan lapang dada apa yang ada pada *qira'at*". Kata-kata ini menunjukkan tidak ada ruang untuk ijtihad dalam menentukan kesahihan dalam periwayatan ilmu *qira'at*. Ia amat bergantung kepada proses *al-naql* (pemindahan) berdasarkan sanad. Berikut dinyatakan beberapa faktor yang menyebabkan tumbuh dan kemudiannya tersebar *al-Qira'at al-Shadhdhah* dalam ilmu pengajian al-Qur'an:

AL-NASKH WA AL-TARK (BACAAN YANG DINASAKH SERTA DITINGGALKAN)

Ini merujuk kepada bacaan yang *dinasakhkan* oleh Rasulullah SAW sebelum atau semasa *al-'Ardah al-Akhirah*. Ibn 'Atiyyah (1993) menukikkan kata-kata daripada al-Barra' ibn 'Azib sebagaimana berikut:

Telah berkata al-Barra' ibn 'Azib, "Kami telah membaca (al-Qur'an) pada zaman Nabi Muhammad SAW (pada ayat) حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْعُصْرِ". Kemudiannya ayat itu telah *dinasakhkan* oleh Allah SWT. Lalu kami telah baca dengan الصَّلَوَاتِ عَلَى الصَّلَاةِ الْوُسْطَى (surah al-Baqarah, 2:238). Telah berkata seorang lelaki, "Bukankah (bacaan sebenar) ialah solat Asar?". Telah berkata, "Kami khabarkan kepada kamu bagaimana kami baca dan bagaimana ayat ini telah *dinasakhkan*".

Riwayat di atas menunjukkan terdapat dalam kalangan Sahabat RA yang tidak tahu terdapatnya ayat yang telah *dinasakhkan*. al-Qasim (1992) telah mengumpulkan periwayatan khusus dalam kitabnya, *Fada'il al-Qur'an* berkaitan dengan *Nasikh* dan *Mansukh* ayat, iaitu bab '*Ma rufi'a min al-Qur'an ba'd Nuzulih wa Lam Yathbut fi al-Mashaf*', iaitu bab apa yang telah dibuang daripada al-Qur'an selepas penurunannya akan tetapi tidak dinyatakan sebagai sebahagian daripada *mashaf*.

TINDAKAN SAHABAT MENGEKALKAN APA YANG DINASAKH DAN DITINGGALKAN DALAM MASHAF MEREKA

Kebanyakan Sahabat RA utama mempunyai *mashaf* tersendiri sebagai rujukan untuk bacaan al-Qur'an masing-masing. Namun terdapat beberapa bacaan yang direkodkan oleh mereka masih mengekalkan ayat-ayat yang *dinasakh* dan ditinggalkan (al-'Adawi 2006). Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para Sahabat RA telah berhijrah dan atas permintaan khalifah ke pelosok dunia Islam. Kehadiran mereka ke tanah baru ini membuatkan mereka membawa bentuk bacaan yang telah diambil oleh mereka daripada Rasulullah SAW. Antaranya ialah penduduk Kufah berpegang kepada *Mashaf* Ibn Mas'ud, penduduk Basrah dengan *mashaf* Abu Musa al-Asha'ari dan penduduk Dimashq dengan *Mashaf* Ubayy ibn Ka'b (Mohd Yusoh 1992).

AL-'ARDAH AL-AKHIRAH (SEMAKAN PEMBENTANGAN TERAKHIR)

Satu lagi punca yang membawa kepada kelahiran perbezaan dalam *qira'at* ialah kedapatan kalangan Sahabat RA yang tidak mengetahui atau tidak sampai kepada mereka berita tentang adanya *qira'at* yang *dimansukhkan*. Ini kerana semasa *al-'Ardah al-Akhirah*, terdapat sahabat yang keluar bermusafir, menyertai peperangan dan sebagainya (al-'Adawi 2006). Ibn 'Abbas telah meriwayatkan bahawa 'Umar RA telah berkata: "Orang yang paling mengetahui mengenai *qira'at* ialah Ubayy ibn Ka'b dan yang paling mengetahui mengenai hukum ialah 'Ali. Namun demikian kami terpaksa meninggalkan *qira'at* yang dibacakan oleh Ubayy sekalipun Ubayy berkata:

Aku tidak akan meninggalkan apa yang aku dengar daripada Rasulullah SAW, sedangkan Allah SWT telah berfirman: Apa saja ayat yang Kami nasakhkan atau Kami jadikan manusia lupa kepadanya, Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya (Ibn Hajar al-'Asqalani 2008).

Dalam riwayat di atas, jelas menunjukkan bagaimana 'Umar RA mematahkan hujah Ubayy serta menolak *qira'at* yang dibacakan oleh beliau dengan alasan bahawa *qira'at* yang dibacakan itu ialah *qira'at* yang telah *dimansukhkan*. Pada bulan Ramadan setiap tahun, Jibril AS datang menemui Rasulullah SAW untuk *'ardah* (mengulangkaji) al-Qur'an pada tahun-tahun akhir hayat Rasulullah SAW, Jibril AS telah datang sebanyak dua kali.

TIDAK TERDAPAT UKURAN PIAWAIAN BACAAN QIRA'AT YANG DITERIMA

Pada peringkat awal perkembangan bacaan al-Qur'an, iaitu bermula zaman Sahabat RA, *tabi'in* seterusnya zaman para imam *qira'at*, mereka telah mengambil bacaan al-Qur'an secara *birtalaqqi* dengan guru mereka sebagai piawaian bacaan al-Qur'an. Namun dalam pada itu, terdapat juga golongan yang mengabaikan syarat utama dalam proses pembelajaran mereka, iaitu kepentingan sanad yang *mutawatir*. Al-Nuwayri (2003) menyatakan:

Terdapat satu kaum yang mereka membaca al-Qur'an dengan satu bentuk yang tidak sah sanad pada asalnya, mereka telah berkata sesungguhnya *mutawatir* itu bukan satu syarat, dan sekiranya diminta daripada mereka menunjukkan sanad yang sahih, mereka tidak mampu memberikannya.

Oleh kerana tidak terdapat satu piawaian bacaan *qira'at* yang diterima, ia menyebabkan sesuatu bacaan yang tidak sahih tersebar. Apabila *qari* selepasnya, iaitu antaranya Ibn Mujahid, al-Shatibi dan Ibn al-Jazari, barulah dilaksanakan satu piawaian secara rasmi diperkenalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu *qira'at*. Setelah itu baharu dinilai sekali lagi dengan membezakan antara *qira'at* yang *Mutawatirah* dan *Shadhdhah*.

TERDAPAT KERAGUAN DAN KESILAPAN

Keraguan dan kesilapan ini merujuk kepada perawi *qira'at* yang tidak *dabit* (kuat ingatan) dalam periwayatan mereka. Ibn Mujahid (1400H) dalam kitabnya, *al-Sab'ah fi al-Qira'at* menyatakan dengan jelas bahawa tidak semua *qari* itu mempunyai ketelitian, kebijaksanaan dan ingatan yang baik. Tidak semua dalam kalangan mereka itu mahir dalam *I'rab al-Qira'at* dengan tatabahasa Arab, faham dengan jelas semua kalimah al-Qur'an dan menitikberatkan persoalan sanad. Keadaan ini juga dihuraikan juga oleh Ibn al-Jazari (1982) dalam kitabnya, *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*, iaitu menyifatkan terdapat dalam kalangan perawi *al-qira'at* itu tidak *dabit*, kurang teliti dan lemah dalam periwayatan mereka. Oleh kerana terdapat kesilapan yang dilakukan oleh para perawi *qira'at*, tersebar pula bacaan yang salah dan *shadhdhah* dalam kalangan masyarakat pada ketika itu. Apatah lagi perawi tersebut kemudiannya bertindak menjadi guru *qira'at*, lalu tersebarlah kesilapan tersebut. Imam Abu Shamah (1978) berkata:

Sesungguhnya pada kemudian hari selepas zaman golongan *qurra'* yang tekun dan kuat hafalan mereka, bibit-bibit khilaf bacaan kembali timbul hasil tersebarinya bacaan-bacaan ke seluruh pelosok dunia. Apabila berlakunya hal sedemikian, wujudlah kecuaiian dalam periwayatan bacaan serta kesamaran antara yang sebenar dan yang batil. Ulama mula mengorak langkah bagi menguraikan fitnah tersebut dengan membuat perincian yang manakah yang betul dan sebaliknya, yang manakah yang *mashhur*, yang *ahad*, dan yang *shadh*. Perincian atau kaedah ini dibuat bagi mengembalikan kesahihan dan ketulenan dalam periwayatan. Hasilnya, terciptalah tiga rukun *qira'at* secara rasmi dan bertulis.

PEMALSUAN BACAAN AL-QUR'AN

Antara bukti yang menunjukkan kedapatan pemalsuan dalam bacaan al-Qur'an ialah terdapatnya pendustaan dengan menggunakan nama Sahabat RA yang telah dibuat oleh kumpulan Syiah yang melampau. Abu Hayyan (1993) dalam *al-Bahr al-Muhit* telah menyatakan: "Kebanyakan bacaan *qira'at* 'Abd Allah (ibn Mas'ud) telah dinisbahkan oleh golongan Syiah (dalam membuat pendustaan)". Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mereka menisbahkan bacaan mereka kepada *Mashaf* 'Ali RA (Shahin 1995). Sebagai contoh ialah bacaan yang telah disandarkan kepada 'Abd Allah ibn Mas'ud RA daripada golongan Syiah, iaitu pada ayat 33, surah Al 'Imran:

Mafhumnya: Daripada Shaiq telah berkata: Aku telah baca dalam *mashaf* 'Abd Allah (ibn Mas'ud) ayat: Sesungguhnya Allah telah memilih Adam dan Nuh dan ahli keluarga Ibrahim, dan ahli keluarga 'Imran dan ahli keluarga Muhammad melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka).

Dalam ayat ini, golongan Syiah telah memasukkan lafaz (وَالْمُحَمَّدُ) sebagai tambahan yang dikira sebagai pemalsuan dalam bacaan al-Qur'an. Ini boleh dirujuk pada <http://shiaweb.org/books/tahrif/pa113.html>. Dalam konteks pemalsuan, terdapat golongan yang juga bertindak menukar lafaz atau kalimah sehinggakan mengubah makna asal al-Qur'an. Golongan ini juga menjadikan perkara yang *shadh* sebagai senjata mereka menyerang al-Qur'an. Keadaan ini juga telah dinyatakan oleh Imam al-Sakhawi (2008) dalam kitabnya, *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*, iaitu:

Telah berlaku dalam zaman ini dengan hebat sekali, iaitu terdapat golongan yang bersungguh menelaah kitab-kitab (*qira'at*) *Shadhdhah*. Mereka telah memperakunya dan ada yang mereka telah mengubahnya, sehingga menjadikan perkara ini kegelapan dan buta.

ISU DAN PERMASALAHAN DALAM AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH

Perbincangan tentang isu dan permasalahan dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah* ini merupakan penelitian terhadap beberapa perkara penting yang menjadi perbincangan utama dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Secara umumnya, isu-isu dan permasalahan ini merupakan analisis penulisan dan komentar beberapa sarjana *qira'at* berkenaan isu dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Penulis membahagikan kepada beberapa perbincangan sebagaimana berikut:

STATUS SANAD YANG BERKAITAN DENGAN AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH

Para ulama *qira'at* telah berusaha sedaya upaya menyelamatkan ilmu *qira'at* al-Qur'an daripada hilang atau dipalsukan. Justeru, perkara yang menjadi sumber dan asas utama ialah riwayat. Sekiranya riwayat itu *mutawatir*, ia diterima sebagai bacaan al-Qur'an dan sebaliknya sekiranya tidak *mutawatir*, ia tidak dibenarkan untuk dibaca dalam solat sekalipun sahih (Ali 2000).

Isma'il (1986) membahagikan *al-Qira'at al-Shadhdhah* kepada beberapa pembahagian berdasarkan sanad sebagaimana berikut:

1. *Al-Ahad*: Bacaan *qira'at* yang sah sanadnya namun tidak *mutawatir*, bertepatan dengan satu daripada kaedah bahasa Arab, namun ia bersalahan dengan *Rasm 'Uthmani*. Keadaan ini hakikatnya diterima namun tidak boleh dibaca dalam solat atau di luarnya kerana ia tidak mencapai tahap *mutawatir*. Mengingkari bentuk bacaan ini tidak dihukum kufur (al-Qaysi 1977). Contohnya ialah seperti bacaan Ibn Mas'ud dan Abu al-Darda' pada ayat (وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى). Mereka berdua telah membuang kalimah (وَمَا) (إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ فَاسْتَعْوَا). Contoh lain ialah pada ayat (إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ فَاسْتَعْوَا). Dalam ayat ini, sekumpulan Sahabat antaranya ialah seperti Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Ubay ibn Ka'b, Ibn 'Umar dan Ibn al-Zubayr membaca dengan lafaz (فَامْضُوا) pada kalimah (فَاسْتَعْوَا).
2. *Al-Shadh*: Sesuatu bacaan yang tidak cukup satu daripada syarat dan rukun yang tiga, iaitu sanad yang *mutawatir*, menepati *Rasm 'Uthmani* dan menepati bahasa Arab. Sebagai contoh ialah bacaan Ibn al-Sumayfa' pada ayat surah Yunus, ayat 92: (نُنَجِّبُكَ بِبَيْدِنَا لَتَكُونَ لِمَنْ خَلَقَكَ آيَةً). Beliau telah membaca pada kalimah (نُنَجِّبُكَ) dengan huruf *al-Ha'* (نُنَجِّبُكَ) dan (خَلَقَكَ) dengan membariskan *fathah* pada *al-Lam* (Ibn al-Jazari 1994).

3. *Al-Mashhur*: Ia merujuk kepada bacaan al-Qur'an yang menepati bahasa Arab dan menepati *Rasm 'Uthmani* serta mempunyai sanad yang sah, akan tetapi tidak sampai ke tahap *mutawatir*. Sebagai contoh ialah *qira'at* Ibn 'Abbas yang membacakan ayat (لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ) dengan huruf *al-Fa'* dibaca dengan *fathah*.
4. *Al-Mudraj*: Bacaan yang berlaku penambahan perkataan atau ayat dalam kalimah al-Qur'an yang berperanan sebagai pentafsiran al-Qur'an. Contohnya *qira'at* Ibn Mas'ud RA telah dibaca (فَصَبَّامُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مُتَتَابِعَاتٍ) dengan berlaku penambahan, iaitu pada kalimah (مُتَتَابِعَاتٍ). Manakala dalam bentuk ayat ialah seperti *qira'at* Ibn al-Zubayr, iaitu pada ayat berikut:

1. وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤٠﴾

2. Beliau meriwayatkan dengan terdapat penambahan (وَيَسْتَعِينُونَ بِاللَّهِ عَلَى مَا أَصَابَهُمْ) menjadikan:

3. وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَسْتَعِينُونَ بِاللَّهِ عَلَى مَا أَصَابَهُمْ وَأُولَئِكَ

هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤٠﴾

4. *Al-Mawdu'*: iaitu *qira'at* yang dinisbahkan kepada *penaqalnya* tanpa riwayat atau asal ambilannya. Ibn al-Jazari (1994) menyatakan: "Ini (*qira'at* cara ini) ditolak secara mutlak, ditegah untuk meriwayatkannya, dan sesiapa yang membawanya tergolong dalam dosa besar".

SAB'AH AHRUF DAN HUBUNGANNYA DENGAN AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH

Al-Tabari (2000) dalam kitabnya, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, beliau telah mengumpulkan sebanyak 58 hadith yang membincangkan tentang Tujuh Huruf dalam pelbagai konteks dan versi. Semua periwayatan itu boleh difokuskan bahawa al-Qur'an diturunkan dalam tujuh huruf dan kedua ialah tujuan ia diturunkan dengan tujuh huruf, iaitu kelonggaran dan kemudahan yang diberikan Rasulullah SAW untuk membaca bacaan yang mudah untuk para Sahabat RA.

Terdapat tiga perbincangan utama dalam membincangkan berkaitan hubungan antara *Sab'ah Ahruf* dengan *al-Qira'at al-Shadhdhah*, iaitu:

1. Asal Kedudukan *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Al-Tahawi (1995) mengulas berkenaan dengan *Sab'ah Ahruf* sebagaimana berikut:

Kelapangan telah diberikan kepada manusia (pada waktu itu) untuk membaca dengan menggunakan huruf-huruf yang pelbagai itu. Mereka tidak mampu untuk membaca al-Qur'an dengan selain daripada bahasa mereka kerana mereka ialah orang yang tidak tahu membaca dan menulis, kecuali hanya segelintir sahaja. Ketika semua orang merasakan kesulitan untuk melafazkan bahasa orang lain, -sekali pun ia diharuskan, nescaya mereka tidak akan mampu kecuali dengan merasakan kesulitan yang luar biasa – lantas keluasaan itu pun diberikan kepada mereka untuk membaca al-Qur'an dengan lafaz yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama.

Ibn 'Abd al-Barr telah berkata:

Dengan ini jelaslah bahawa *Sab'ah Ahruf* hanya boleh diguna pakai pada waktu khusus sahaja kerana berlakunya darurat (kesukaran) yang menghendaknya. Lalu apabila kesukaran itu hilang, hilanglah hukum (boleh menggunakan) *Sab'ah Ahruf*, dan al-Qur'an pun kembali dibaca dengan satu huruf (al-Qurtubi 2003).

Daripada pandangan ini, disimpulkan bahawa asal kedudukan *qira'at* yang pelbagai termasuk *al-Shadhdhah* ini adalah dibaca pada zaman Rasulullah SAW. Setelah kesukaran melafazkan dan memahami sesuatu lafaz itu dapat diatasi, ia kembali kepada satu bentuk bacaan sebagaimana *mashaf 'Uthmani*.

2. Penapisan Bacaan al-Qur'an. Secara keseluruhan terdapat tiga kali proses penapisan bacaan al-Qur'an, iaitu setelah *al-'Ardah al-Akhirah*, pengumpulan zaman Khalifah Abu Bakr RA dan proses penyalinan semula *mashaf* pada zaman Khalifah 'Uthman RA (al-'Adawi 2006). Kedudukan asal al-Qur'an adalah dibaca dengan *Sab'ah Ahruf* sebagaimana yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW. Keadaan ini termasuk bentuk bacaan *al-Qira'at al-Shadhdhah* yang kebanyakannya mempunyai riwayat yang sahih daripada Rasulullah SAW seperti *qira'at* Ibn Mas'ud, Ubay ibn Ka'ab, 'Ali ibn Abi Talib dan Ibn 'Abbas. Tiga kali proses penapisan ini telah menjadikan sesuatu bacaan yang pada awalnya sebahagian daripada al-Qur'an tersisih menjadi *al-Shadhdhah*. Jika diteliti, penapisan pertama, iaitu *al-'Ardah al-Akhirah* ini adalah sumber asas sesuatu bacaan itu, sama ada ia *dinasakh* atau ditinggalkan oleh Rasulullah SAW. Proses kedua, iaitu pengumpulan zaman Abu Bakr RA ini bertujuan mengesah dan membezakan antara al-Qur'an dan juga yang terkeluar. Dan ketiga, bertujuan pemurnian akhir dan memuktamadkan

bahawa selain daripada *mashaf 'Uthmani* adalah dikira sebagai *al-Shadhdhah*.

Justeru disimpulkan bahawa hubungan asal, iaitu *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai sebahagian daripada *Sab'ah Ahruf* dan bacaan al-Qur'an telah terputus berikutan proses penapisan yang dijalankan bermula daripada *al-'Ardah al-Akhirah* Rasulullah SAW dengan Jibril sehingga terhasilnya *Mashaf 'Uthmani*. Setelah itu, para ulama selepasnya juga telah menjadikan menepati *Mashaf 'Uthmani* sebagai satu rukun penerimaan sesuatu bacaan *qira'at*.

3. Kesan Terhadap Bahasa dan Dialek dalam *Mashaf*: Ulama berselisih dalam membincangkan apakah *Mashaf Rasm 'Uthmani* mengandungi *Sab'ah Ahruf* atau kepelbagaian *qira'at* atau tidak. Mereka berselisih pandangan kepada dua pendapat, iaitu: pertama, *mashaf-mashaf 'Uthmani* itu hanya mengandungi satu sahaja pelat bahasa di antara yang tujuh itu, iaitu loghat bahasa Quraysh. Manakala yang kedua ialah *mashaf-mashaf 'Uthmani* itu mengandungi apa yang bacaan yang memungkinkan semua dialek dan loghat dalam *Sab'ah Ahruf* dan mengandungi semua jenis-jenis *qira'at* yang *mutawatir* pada semakan terakhir.

Pandangan pertama yang menyatakan hanya bahasa loghat Quraysh sahaja yang terdapat dalam *mashaf 'Uthmani* dengan menghujahkan bahawa kitab al-Qur'an itu telah diturunkan menurut lidah Quraysh. Selain itu, mereka berpegang kepada dalil bahawa 'Uthman RA telah memberi arahan kepada jurutulis al-Qur'an itu supaya mengikuti pelat bahasa Quraysh seandainya mereka berselisih faham dengan Zayd ibn Thabit RA dalam penulisan satu-satu kalimah dan al-Qur'an. Ini kerana al-Qur'an itu asalnya diturunkan menurut lidah Quraysh. Ini sebagaimana kata-kata 'Uthman RA kepada mereka, iaitu: "Sekiranya kamu berbeza pendapat dengan Zayd ibn Thabit mengenai sesuatu daripada al-Qur'an, tulislah dengan bahasa Quraysh, kerana al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Quraysh (al-Tirmidhi 1977: 3029)".

Al-Qattan (1998) menukilkan daripada Ibn al-Tin dalam mengulas isu ini sebagaimana berikut:

Sedangkan pengumpulan 'Uthman sebagai akibat daripada banyaknya perbezaan dalam *qira'at*, sehingga mereka membacanya menurut dialek, bahasa mereka masing-masing, dan ini menyebabkan timbulnya sikap saling menyalahkan. Kerana dikhawatiri ia akan semakin bertambah besar, 'Uthman segera memerintahkan untuk mencatat ke dalam satu *mashaf* dengan menyusun surah-surahnya dan membataskan hanya pada bahasa Quraysh sahaja

dengan alasan bahawa al-Qur'an diturunkan dengan bahasa mereka (Quraysh), sekalipun pada awalnya memang diizinkan membacanya dengan bahasa lain selain Quraysh adalah untuk mengelak daripada kesukaran. Dan, menurutnya keperluan demikian sudah berakhir, sebab itulah ia memberikan had hanya pada satu bahasa (dialek) sahaja.

Manakala pandangan yang kedua merupakan pendapat jumur ulama *Salaf* dan *Khalaf*, iaitu berpandangan penulisan dan penyalinan *mashaf 'Uthmani* itu mengandungi semua dialek yang ada dalam konsep *Sab'ah Ahruf* dan mengandungi semua jenis-jenis *qira'at* yang *mutawatir* bersumberkan semakan terakhir (al-Qadi 1977). Al-Qadi (1977) menyatakan lima alasan dan hujah menyokong pendapat jumur ini sebagaimana berikut:

1. *Mashaf-mashaf 'Uthman* telah disalin bersumberkan *suhuf* Abu Bakr RA dan sekalian para ulama telah *ijma'* pada menyatakan apa yang tercatat di dalamnya adalah semuanya telah *thabit* dengan cara *mutawatir* diterima daripada Rasulullah SAW.
2. Tidak terdapat dalam hadith *sahih* atau *da'if* sesuatu yang mengatakan bahawa Khalifah 'Uthman RA mengarahkan jurutulis supaya menggunakan satu huruf (loghat) sahaja dan membatalkan yang baki enam huruf lainnya.
3. Mustahil para Sahabat RA yang berjumlah lebih 12,000 orang akan mendiadakan diri melihat Khalifah 'Uthman RA membatalkan sesuatu yang telah *thabit* sebagai sebahagian daripada al-Qur'an.
4. Sekiranya benar *mashaf* al-Qur'an hanya terdapat satu huruf atau dialek sahaja, iaitu dialek Quraysh, sudah tentu ia tidak akan memuatkan loghat lain selain loghat Quraysh. Ini tidak tepat kerana terdapat banyak perkataan dalam al-Qur'an yang memuatkan bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Quraysh.
5. Terdapat banyak perbezaan di antara *mashaf-mashaf 'Uthman* yang disalin. Ia melibatkan pertukaran huruf, penambahan, pengurangan huruf dan perkataan. Ini membuktikan ia tidak hanya tertumpu dan ditulis dalam satu loghat sahaja, bahkan mengandungi semua tujuh loghat yang ada.

TERDAPAT PERBEZAAN DALAM RASM

Setiap perbezaan dalam kandungan ilmu *Rasm* adalah bersumberkan perpindahan maklumat dan periwayatan. Ini bererti ia bersifat *tawqifi* dan tiada ruang untuk menerima kebarangkalian ijtihad. Oleh

yang demikian, semua perselisihan atau perbezaan yang berlaku adalah tetap diterima pakai selagi mana sumber asal periwayatannya dapat disahkan bersumber daripada Rasulullah SAW. Al-Dani (2010) menerusi kitab beliau, *al-Muqni' fi Ma'rifah al-Marsum Masahif Ahl al-Amsar* telah menegaskan perkara ini sebagaimana komentar beliau:

Huruf-huruf yang terdapat padanya perbezaan di dalam *mashaf-mashaf* sememangnya termaktub dalam al-Qur'an dan semuanya ialah salinan daripada *mashaf* al-Imam yang ditulis oleh 'Uthman RA yang kemudiannya diutuskan ke setiap pelosok. Semua *mashaf* itu adalah kalamullah 'Azza wa Jalla.

Perbezaan ini berada dalam skop perbezaan *tanawwu'* (pelbagai) dan *taghayyur* (perubahan), bukanlah perbezaan *tadad* (berlawanan) atau *tanafi* (menafikan yang lain), bahkan ia merupakan satu daripada bentuk *i'jaz* al-Qur'an.

PERBEZAAN AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH DARI SUDUT KAEDAH BAHASA ARAB

Bahasa Arab merupakan bahasa yang dimuliakan oleh Allah SWT melalui penurunan al-Qur'an dalam bahasa tersebut. Ini menunjukkan perkaitan untuk mengetahui bahasa Arab menjadi satu keperluan bagi pengkaji al-Qur'an. Kepelbagaian tatabahasa Arab, terutama *al-I'rab* merupakan satu perkara utama yang menjadi pokok perbincangan dalam bahasa Arab (Mohd Noor et al. 2011). Justeru, *qira'at* yang merupakan tunjang utama bacaan al-Qur'an amat berkait rapat dengan bahasa Arab.

Kedudukan *qira'at* dalam kaedah tatabahasa Arab tidak dinyatakan dengan tepat, malah dilihat tiada kesepakatan antara ahli nahu berhubung taraf berhujah dengan menggunakan sumber *qira'at*. Namun, *qira'at* bolehlah dianggap sebagai cabang kepada al-Qur'an yang *manqul*. Sekiranya benar anggapan ini, ia jelas termasuk dalam kelompok skop *al-sama'* (Hakim & Mohd Afiq 2010). Menurut al-Anbari (1377H), sumber tatabahasa yang *manqul* adalah sama daripada al-Qur'an, hadith ataupun puisi Arab yang bebas daripada penggunaan akal. Tambah beliau, *al-naql* merupakan perkataan Arab yang tulen, dengan penukaran yang benar, serta mencapai tahap *mutawatir* (al-Anbari 1377H).

Namun, *al-Qira'at al-Shadhdhah* tidak jauh bezanya dengan *al-Qira'at al-Mutawatirah* dari segi makna dan tatabahasa Arab. Ibn Jinni (1998) telah menyatakan dalam kitabnya, *al-Muhtasab*, hakikatnya *al-Qira'at al-Shadhdhah* dan *al-Mutawatirah* boleh digabungkan dalam satu makna yang satu. Selain itu, *al-Qira'at al-Shadhdhah* juga berperanan dalam

menjelaskan tafsiran al-Qur'an yang telah dibuat berdasarkan *al-Qira'at al-Mutawatirah*.

Dalam beberapa keadaan, dari sudut tatabahasa Arab, Ibn Jinni (1998) menyatakan kedudukan bacaan *al-Qira'at al-Shadhdhah* adalah lebih baik berbanding *al-Qira'at al-Mutawatirah*. Antara contoh yang dinyatakan ialah pada ayat 54, surah al-Qamar, iaitu (إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ). Beliau berpandangan, bacaan secara baris *al-raf'* (baris *dammah*) lebih kuat dari sudut tatabahasa berbanding *al-nasb* (berbaris atas) atas kapasiti kedudukan perkataan (كَلِمَةٍ) lebih kuat dalam keadaan *mubtada'* berbanding *al-nasb* dalam kedudukan *maf'ul bih*. Namun, ia tetap menjadi *al-nasb* lebih utama dalam bacaan al-Qur'an kerana banyak riwayat disandarkan kepada *al-nasb* berbanding *al-raf'* dan kedudukan itu juga tidak salah dalam tatabahasa Arab.

Selain itu, Abu Zuhrah (1970) menyatakan apabila terjadi percanggahan antara *qira'at* yang sah dengan kaedah ilmu *nahw*, ilmu *nahw* yang mesti disesuaikan dengan al-Qur'an bukan sebaliknya. Sekiranya seorang periwayat *qira'at* telah menerima riwayatnya dengan jelas dan tanpa cacat, maka *qiyas* bahasa Arab mahupun kemasyhuran *nahw* suatu bahasa tidak boleh menolak atau mengingkarinya. Ini kerana *al-Qira'at al-Qur'aniyyah* merupakan sunnah yang mesti diikuti dan wajib diterima.

Al-'Adawi (2006) telah membahagikan secara lebih terperinci bentuk-bentuk *al-Qira'at al-Shadhdhah* berdasarkan kategori perbezaan yang berlaku berasaskan kaedah bahasa Arab. Beliau telah membahagikan bentuk perbezaan *al-Qira'at al-Shadhdhah* kepada lima bahagian, iaitu:

1. Perkataan sama erti dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah* (*al-Turadif fi al-Qira'at al-Shadhdhah*). Sebagai contoh ialah perkataan (النَّاسِ) yang digantikan dengan (الْبَشَرِ) dalam surah al-Baqarah, ayat 213: (لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ). Bacaan ini diriwayatkan berdasarkan Ubayy ibn Ka'b yang membawa maksud sama, iaitu manusia (Abu Hayyan 1993).
2. Perkataan yang berlawanan dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah* (*al-Tadad fi al-Qira'at al-Shadhdhah*). Perkataan berlawanan ini bermaksud lafaz dan makna yang hadir mempunyai maksud yang berlawanan. Sebagai contoh ialah perkataan (وَرَءَاهُمْ) dalam ayat 79, surah al-Kahf: (وَكَانَ وَرَاءَهُمْ) (مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا). Menurut bacaan Ibn Jubayr dan Ibn al-'Abbas, perkataan (وَرَءَاهُمْ) maksudnya (di belakang mereka) telah diganti dengan perkataan (أَمَامَهُمْ) yang membawa maksud (di depan mereka) (Ibn 'Atiyyah 1993).

3. Perbezaan pendalilan dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah* (*al-Faruq al-Dalaliyyah fi al-Qira'at al-Shadhdhah*). Perbincangan bahagian ini terbahagi kepada dua, iaitu:
 - a. Perkataan yang berbeza lafaz akan tetapi mempunyai makna yang hampir sama atau lafaz yang berbeza dengan makna yang berbeza namun boleh disatukan dalam satu makna yang hampir sama. Sebagai contoh ialah perkataan (خَرَقُوا) yang dibaca oleh Ibn 'Umar dan Ibn 'Abbas (Ibn Jinni 1998) dengan (خَرَفُوا) dalam ayat 100, surah al-An'am, iaitu: (وَحَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ). Hakikatnya ia mempunyai maksud (خَرَقُوا) yang bermaksud mereka berbohong, manakala (خَرَفُوا) ialah menyeleweng.
 - b. Perbezaan dari sudut baris (*al-Harakah*). Sebagai contoh ialah bacaan (أَخَدِ) yang dibaca dengan baris *fathah* telah dibaca dengan *dammah*, iaitu (أُخِدِ) dalam ayat 153, surah Al 'Imran, iaitu: (إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلْوُونَ عَلَىٰ أَعْدِيَ). Dalam ayat ini, (أَخَدِ) bermaksud seorang, manakala (أُخِدِ) bermaksud bukit Uhud.
4. Kesan pertukaran huruf *al-Mudara'ah* dalam kepelbagaian makna (*Athar Tabadul Ahruf al-Mudara'ah fi Tanawwu' al-Ma'na*) Ia terbahagi kepada tiga, iaitu: Pertama; antara huruf *al-Ya'* dan *al-Ta'*, kedua; pertukaran antara *al-Nun* dan *al-Ya'* dan ketiga; pertukaran antara *al-Ya'*, *al-Ta'* dan *al-Nun*. Sebagai contoh ialah perkataan (تُرْجَعُونَ) yang telah dibaca oleh al-Hasan al-Basri sebagai (يُرْجَعُونَ) dalam ayat 56, surah Yunus, iaitu: (هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ). Perkataan (تُرْجَعُونَ) menggunakan *al-Ta'* *al-Mukhatabah* merujuk kepada kamu, manakala lafaz (يُرْجَعُونَ) merujuk kepada *Fi'il al-Ghaybah* (Ibn 'Atiyyah 1993).
5. Penambahan kalimah dalam bentuk penafsiran makna (*Qira'at Shadhdhah Laha Silah bi al-Ma'na*). Contohnya ialah riwayat *qira'at* Ibn al-'Abbas pada ayat 234, surah al-Baqarah, iaitu: (وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا). Dalam ayat ini menurut bacaan Ibn 'Abbas, terdapat penambahan (لَيْلًا) di belakang perkataan (وَعَشْرًا), maksudnya sepuluh malam (Ibn 'Atiyyah 1993).

PENGUNAAN *AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH* SEBAGAI SUMBER HUKUM DAN PENDALILAN

Para ulama *fiqh* hakikatnya berselisih pandangan berhubung dengan menggunakan sumber *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai hujah dan pendalilan.

Terdapat dua pandangan, iaitu dibolehkan dan tidak dibolehkan. Bagi pendapat yang mengatakan ia dibolehkan ialah Mazhab Hanafi dan Hanbali. Namun ia hanya berperanan sebagai dalil *zanni* bukan sebagai sesuatu yang *qat'i*. Manakala yang tidak dibolehkan ialah Mazhab al-Maliki dan al-Syafie. Mereka berhujah bahawa *al-Qira'at al-Shadhdhah* bukan dianggap sebagai *al-Qur'an* dan tiada dalil yang membolehkan beramal dengannya (Kirar 2003).

Al-'Adawi (2006) pula cenderung mentarjihkan pandangan yang dibolehkan menggunakan *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai pendalilan. Ini kerana terdapat beberapa faedah utama apabila menjadikan *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai hujah dan sumber pendalilan. Beliau telah menyenaraikan empat faedah, iaitu:

1. Terdapat hukum yang disepakati ulama *fiqh* berhubung menggunakan *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai dalil, antaranya ialah (وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ مِنْ أُمَّ) pada akhir kalimah dapat memahamkan para ulama *fiqh* tentang hakikat hukum *fiqh* (Muhaysin 1984).
2. Menjelaskan bentuk hukum dalam pemahaman ulama terhadap ayat hukum. Antaranya ialah tentang hukum potong tangan untuk pencuri. Bacaan *qira'at* Ibn Mas'ud menerangkan hukum potong tangan ialah bermula dengan tangan kanan berdasarkan *al-Qira'at al-Shadhdhah* bersumberkan beliau, iaitu (فَاقْطَعُوا أَيْمَانَهَا).
3. Mentarjihkan hukum yang terdapat khilaf pandangan. Antaranya ialah dalam perbincangan tentang *kaffarah* sumpah, iaitu pada ayat 89, surah al-Ma'idah. Potongan ayat berkenaan, iaitu (مَنْ فَنَحَرِيرٌ رَقَبَةٍ) memberi makna umum kepada makna hamba. Namun dengan penjelasan daripada *al-Qira'at al-Shadhdhah*, iaitu dengan penambahan di akhir (مُؤْمِنَةٍ) mengikat hukum berkenaan bahawa ia merujuk kepada hamba perempuan yang beriman (al-Qudah 2001).
4. Mentafsirkan hukum *fiqh*. Sebagai contoh ialah pada ayat 184, surah al-Baqarah, iaitu (مَسْكِينٍ) merujuk kepada orang yang tua dan lemah. Ini berdasarkan bacaan *al-Qira'at al-Shadhdhah* yang membaca dengan (يُطَوَّقُونَ) (Ibn 'Atiyyah 1993).

HUKUM MEMBACA *AL-QIRA'AT SHADHDHAH* DALAM SOLAT

Para ulama telah berselisih pendapat dalam mengemukakan pandangan berhubung hukum

membaca *al-Qira'at al-Shadhdhah* untuk bacaan solat. Secara umumnya, pandangan ini terbahagi kepada tiga pandangan berikut:

1. Haram. Ibn al-Jazari (1994) menegaskan bacaan al-Qur'an selain bentuk bacaan daripada *al-Qira'at al-'Asharah (Qira'at Sepuluh)* ia tidak dihukumkan sebagai bacaan al-Qur'an, bahkan ia adalah *al-Shadhdhah* dan tidak boleh dibaca dalam solat atau di luar solat. Dan tidak ada lagi bacaan *qira'at* yang *mutawatir* selain daripada *al-Qira'at al-'Asharah al-Mutawatirah*. Wajib beri'tiqad dan beriman dengan *al-Qira'at al-Mutawatirah* kerana ia merupakan al-Qur'an yang disepakati datang daripada Allah SWT. Manakala menjadi kufur dan haram hukumnya apabila seseorang menyatakan *al-Qira'at al-Shadhdhah* ialah sebahagian dari al-Qur'an dan menjadikan bacaan *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai satu ibadah. Ibn al-Jazari menyatakan:

Kebanyakan ulama telah mengharamkan bacaan *qira'at (al-Shadhdhah)* ini kerana ia tidak *mutawatir* sampai kepada Rasulullah SAW, sekalipun dikatakan ia *thabit* kepada Rasulullah SAW, hakikatnya ia telah *dinasakkan* dalam *al-'Ardah al-Akhirah* (bacaan terakhir Nabi Muhammad SAW bersama Jibril AS) atau ia *dinasakkan* oleh *ijma'* Sahabat semasa pengumpulan *Mashaf 'Uthmani*. Atau ia tidak *dinaqalkan* kepada kita seperti syarat yang perlu ada pada al-Qur'an atau hakikatnya ia bukan dalam kalangan *Sab'ah Ahruf*.

Shalabi (1999) menjelaskan, "Bacaan selain daripada *Qira'at Sepuluh* tidak boleh dihukumkan sebagai al-Qur'an, bahkan ia merupakan *al-Qira'at al-Shadhdhah* yang tidak boleh membacanya di dalam solat atau di luar solat, dan tidak boleh seseorang itu solat di belakang siapa yang membacanya". Pandangan ini ialah pandangan yang paling masyhur dan merupakan *ijma'* ulama (al-'Adawi 2006).

2. Harus atau dibolehkan. Ibn al-Jazari (1994), menyatakan pandangan ini hanya sekilas sahaja di dalam kitabnya, *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, iaitu: "Ini adalah pandangan satu daripada pandangan *Ashab al-Shafi'i* dan Abu Hanifah dan terdapat satu riwayat daripada Imam Malik dan Ahmad".
3. Sederhana. Pandangan ini juga dinyatakan oleh Ibn al-Jazari (1994), iaitu ada yang berpandangan bacaan yang wajib seperti surah al-Fatihah hendaklah dibaca dengan *al-Qira'at al-Mutawatirah* sekiranya mampu. Akan batal solat sekiranya seseorang itu mampu membaca

dengan *qira'at* yang *mutawatirah* akan tetapi tetap memilih *al-Qira'at al-Shadhdhah* sebagai sandaran bacaan. Bagi bacaan yang tidak wajib, iaitu merujuk kepada bacaan surah selepas al-Fatihah, tidak batal solat dengan membaca *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Ini kerana ia tidak terkandung dalam perkara yang membatalkan solat serta berpandangan *al-Qira'at al-Shadhdhah* merupakan satu bentuk bacaan yang diturunkan oleh Allah SWT.

Sekiranya merujuk kepada pandangan empat mazhab pandangan mereka ialah seperti berikut (Shukri 2006):

1. Mazhab Hanafi: Mereka berpandangan solat itu tidak rosak atau batal dengan bacaan *Shadhdhah* dalam solat, akan tetapi bukan melibatkan bacaan yang wajib, iaitu al-Fatihah.
2. Mazhab Maliki: Tidak membatalkan solat dengan membaca *al-Qira'at al-Shadhdhah* selagi mana ia tidak menyalahi apa yang ada dalam *mashaf* al-Qur'an.
3. Mazhab Syafie: Tidak boleh membaca *al-Qira'at al-Shadhdhah* dalam solat kerana ia tidak dikira sebagai al-Qur'an selain ia tidak *mutawatir*. Solat akan batal bila mana bacaan *Shadhdhah* itu boleh mengubah makna ayat.
4. Mazhab Hanbali: Haram membaca *al-Qira'at al-Shadhdhah* apabila ia menyalahi *rasm* al-Qur'an. Tidak sah solat siapa yang membacanya. Akan tetapi beliau juga berpandangan, solat akan sah sekiranya bacaan *Shadhdhah* itu sah sanadnya kerana para Sahabat RA telah membaca dengan *qira'at* yang ada pada mereka pada zaman Rasulullah SAW dan pasti solat mereka itu sah (Ibn Qudamah 1412H).

HUKUM MEMPELAJARI *AL-QIRA'AT AL-SHADHDHAH*

Para ulama *qira'at* telah mengharuskan untuk mengkaji *al-Qira'at al-Shadhdhah*, sama ada mempelajari dan membukukannya (al-'Adawi 2006). Ia dibenarkan kerana *al-Qira'at al-Mutawatirah* telah dapat dibezakan dengan *al-Qira'at al-Shadhdhah*, sama ada dalam penulisan buku atau kelas pengajaran. Al-Nuwayri (2003) menyatakan:

Sekiranya membaca (*al-Qira'at al-Shadhdhah*) tanpa beriktikad ia adalah sebagai (sebahagian) daripada al-Qur'an, ia tiada masalah, bahkan daripadanya itu dapat digunakan untuk berhujah dalam *al-Ahkam al-Shar'iyah* dan bahasa Arab. Dan ia boleh dibuku atau diperbincangkan. Akan tetapi, sekiranya beriktikad

ia (*al-Qira'at al-Shadhdhah*) sebagai al-Qur'an, hukumnya adalah haram.

Kata-kata ini jelas menunjukkan hukum mengajar, mempelajari dan menyebarkannya adalah dibenarkan selagi mana dijelaskan terlebih dahulu bahawa *al-Qira'at al-Shadhdhah* ini bukan sebahagian daripada al-Qur'an.

SEBAGAI SUMBER KRITIKAN ATAS KEASLIAN AL-QUR'AN

Apabila berlaku sedikit perselisihan dalam apa jua disiplin dalam Islam, sama ada melibatkan *fiqh*, akidah atau hadith, ia akan menjadi satu alat serangan yang digunakan oleh musuh Islam sebagai peluang dan kesempatan. Keadaan yang sama juga berlaku dalam konteks *al-Qira'at al-Shadhdhah*. Antara yang mengkritik keaslian al-Qur'an ini antaranya ialah seperti golongan Syiah, Liberalis dan juga para pengkaji orientalis Barat. Semua golongan ini kebanyakannya menggunakan alasan yang sama, iaitu menyatakan *mashaf 'Uthmani* adalah di bawah kongkongan Khalifah 'Uthman RA, keengganan 'Abd Allah ibn Mas'ud RA untuk menyerahkan *mashaf* semasa proses pembukuan dan penyalinan semula *mashaf* dan dakwaan terdapat *mashaf* yang tidak diserahkan untuk dibakar.

Dakwaan golongan Liberalis pula boleh dilihat melalui penulisan artikel dalam web antaranya ialah seperti web <http://www.answering-islam>. Dalam web ini, terisi di bahagian al-Qur'an, Hadith, Tafsir dan lain-lain yang hampir semua artikel membincangkan tentang penolakan ketulenan al-Qur'an. Antara tajuk yang dibincangkan ialah: 'Al-Qur'an dan Masalah Pemindaannya, Mushaf-mushaf yang Hilang, Permasalahan dan Percanggahan di dalam al-Qur'an, Firman Siapakah ini?, Masalah *Suhuf* dan Bacaan-bacaan al-Qur'an yang Berbeza-beza, Pengakuan Kebatilan al-Qur'an, Sebuah Kitab yang Tidak Dapat Tahan Uji, Kenapa Isi al-Qur'an Tidak Berurutan? dan Apakah al-Qur'an Sebenarnya Terpelihara?'. Kebanyakan perbincangan dalam artikel ini mengkritik keaslian al-Qur'an dengan merujuk kepada beberapa alasan yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain itu terdapat juga penulisan oleh penulis Barat, iaitu Jeffery (1946) dalam artikelnya, iaitu *The Textual History of the Qur'an*. Dakwaan ini menyentuh bahawa sepatutnya diterima *al-Qira'at al-Shadhdhah* menjadi sebahagian daripada al-Qur'an dan seterusnya menyerang tentang keaslian al-Qur'an.

KESIMPULAN

Kemunculan *al-Qira'at al-Shadhdhah* secara rasmi ialah apabila pembukuan *mashaf* pada zaman Khalifah 'Uthman RA. Ia dianggap sebagai terkeluar daripada bacaan al-Qur'an atas kesepakatan yang berlaku dalam kalangan Sahabat RA. *Al-Qira'at al-Shadhdhah* bukan dianggap sebagai sebahagian daripada al-Qur'an kerana ia telah hilang rukun bacaan *qira'at* yang sah serta boleh menyebabkan solat itu tidak sah dan terbatal. Namun, *al-Qira'at al-Shadhdhah* masih merupakan suatu ilmu yang dibenarkan untuk dipelajari dan disebar dengan tujuan keilmuan bukan untuk dijadikan sebagai bacaan sah.

Beberapa isu dan peluang menyerang keaslian al-Qur'an yang dibangkitkan oleh para musuh Islam tentang *al-Qira'at al-Shadhdhah* kini hakikatnya merupakan ulangan daripada beberapa siri serangan terhadap al-Qur'an yang lampau. Justeru, sebagai umat Islam, tuntutan mempelajari ilmu berkaitan al-Qur'an adalah menjadi satu tuntutan agar tidak mudah terpesong dan sesat.

Apabila dikaji dan ditelusuri satu persatu perbezaan yang wujud dalam *al-Qira'at al-Shadhdhah*, ia adalah skop perbezaan *tanawwu'* (kepelbagaian) dan *taghayyur* (pertukaran) bukanlah perbezaan *tadad* (berlawanan) atau *tanafi* (saling menafikan). Bahkan ia adalah merupakan satu daripada bentuk *I'jaz al-Qur'an*. Perbezaan-perbezaan di antara *mashaf* ini, terutama dalam bab penambahan dan pengurangan huruf memberikan kelebihan dan sudut makna serta tafsiran, di samping menambahkan penghayatan bagi ayat yang berkaitan. Ini merupakan satu daripada hikmah yang besar di sebalik fenomena ini. Aspek-aspek perbezaan ini berdiri atas dasar yang kukuh, iaitu *ijma'* para Sahabat RA ke atas *mashaf-mashaf* yang disalin semula dan disebar oleh Khalifah 'Uthman ibn Affan RA.

RUJUKAN

- 'Ali, Nabil ibn Muhammad Ibrahim. 2000. *Ilm al-Qira'at: Nash'atuhu, Atharuhu fi al-'Ulum al-Sha'riyyah*. Riyad: Maktabat al-Tawbah.
- Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad ibn Yusuf ibn 'Ali ibn Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Shamah, 'Abd al-Rahman ibn Isma'il ibn Ibrahim. 1978. *Ibraz al-Ma'ani wa Hirz al-Amani fi al-Qira'at al-Sab'i*. al-Qahirah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.

- Abu Shamah, Abu al-Qasim Shihab al-Din ibn Abd al-Rahman. 1985. *al-Murshid al-Wajiz ila 'Ulum Tata'allaq bi al-Kitab al-'Aziz*. Bayrut: Dar Sadir.
- Abu Zuhrah, Muhammad. 1970. *al-Mu'jizat al-Kubra al-Qur'an: Nuzuluhi Kitabuhu Jam'uhu I'jazuhu Jadluhu 'Ulumuhu Tafsiruhu Hukm al-Ghina' bih*. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Mukhtar, Umar & Mukarram, 'Abd al-'Ali Salim. 1985. *Mu'jam al-Qira'at al-Qur'aniyyah Ma'a al-Muqaddimah al-Qira'at wa Ashhur al-Qurra'*. Dhat al-Salasil: Jami'ah Kuwyt.
- al-'Adawi, Hamdi Sultan Hasan Ahmad. 2006. *al-Qira'at al-Shadhdhah: Dirasah Sawtiyyah wa Dalaliyyah*. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath bi Tanta.
- al-Anbari, Abd al-Rahman Kamal al-Din ibn Muhammad. 1377H. *al-Ighrab fi Jadal al-I'rab*. Dimashq: Matba'at al-Jami'ah al-Suriyyah.
- al-Asfahani, Shams al-Din. 1986. *Bayan al-Mukhtasar Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Jiddah: Dar al-Madani.
- al-Balqini, Jalal al-Din ibn 'Abd al-Rahman ibn 'Umar. 2007. *Mawaqif al-'Ulum fi Mawaqif al-Nujum*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- al-Dani, Abu 'Amr 'Uthman ibn Sa'id. 2010. *al-Muqni' fi Ma'rifat al-Masahif Ahl al-Amsar*. Tahkik al-Hamd, Nurah ibnt Hasan ibn Fahd. Riyad: Dar al-Tadmiriyyah.
- Hakim Zainal & Mohd Afiq Zahari. 2010. Kedudukan dan peranan qira'at dalam pengkaedahan tatabahasa Arab. *Prosiding International Seminar on Qira'at and Qurra' 2010*, hlm. 241-252. <http://shiaweb.org/books/tahrif/pa113.html>
<http://www.answering-islam.com>
- Ibn 'Atiyyah, Abu Muhammad 'Abd al-Haq ibn Ghalib al-Andalusi. 1993. *al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-'Aziz*. Tahkik. al-Shaqi, 'Abd al-Salam. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn 'Ali ibn Yusuf. 1999. *Munjid al-Muqr'in wa Murshid al-Taliibn*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad. 1994. *Tayyibat al-Nashr fi Qira'at al-'Ashr*. Tahkik. al-Zu'bi, Muhammad Tamim. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Huda.
- Ibn al-Jazari. 1982. *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, Abu al-Hasab Ahmad ibn Faris Zakariyya. 1991. *Maqayis al-Lughah*. Tahkik. Harun, 'Abd al-Salam Muhammad. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. 2008. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman ibn Jinni. 1998. *al-Muhtasab fi Tabyin Wujuh Shawadh al-Qira'at wa al-'Idah 'Anha*. Tahkik. Muhammad Abd al-Qadir 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Mujahid, Abu Bakr Ahmad ibn Musa al-Tamimi. 1400H. *al-Sab'ah fi al-Qira'at*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qudamah, 'Abd Allah ibn Ahmad. 1412H. *al-Mughni*. Tahkik. al-Turki, 'Abd Allah ibn 'Abd al-Muhsin & al-'Uluw, 'Abd al-Fattah. al-Qahirah: Hijr li al-Taba'ah wa al-Nasyr.
- Isma'il, Sha'ban Muhammad. 1986. *Rasm al-Mashaf wa Dabtuhi Bayn al-Tawqif wa al-Istilahat al-Hadithah*. al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Jeffery, Arthur. 1946. *The textual history of the Qur'an*. <http://www.answering-islam.org/Books/Jeffery/thq.htm>.
- Kirar, 'Izzat Shahatah. 2003. *Athar al-Qira'at fi Istinbat al-Ahkam al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Mu'assasat al-Mukhtar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mohd Noor Husin, Mohamad Syukri & Haron Husaini. 2011. Pengaruh i'rab dalam qira'at mutawatirah dan qira'at syazzah. *Jurnal Pendidikan dan Penyelidikan Qira'at*, hlm. 124-137.
- Mohd Yusoh Ibrahim. 1992. *Tafsir al-Qur'an: Pertumbuhan dan Perkembangan 1-150H*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, Idris Hamid 2003. *Ara' al-Mushtashriqin hawla Ma'fhum al-Wahy*. al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- Muhaysin, Muhammad Salim. 1984. *al-Qira'at wa Atharaha fi 'Ulum al-'Arabiyyah*. al-Qahirah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- al-Nuwayri, Abu al-Qasim Muhammad ibn Muhammad Muhib al-Din. 2003. *Sharh Tayyibat al-Nash fi al-Qira'at al-'Ashr*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah ibn Abd al-Ghani. 1977. *Tarikh al-Mushaf al-Sharif*. al-Qahirah: Matba'at al-Mushhid al-Husayni.
- al-Qadi, Abd al-Fattah ibn Abd al-Ghani. 1999. *al-Wafi fi Sharh al-Shatibiyyah fi al-Qira'at al-Sab'*. Jiddah: Maktabat al-Sawadi li al-Tawzi' al-Tiba'ah.
- al-Qasim, Abu 'Ubayd. 1992. *Fada'il al-Qur'an wa Ma'alimuhu wa Adabuhu*. al-Mamlakah al-Su'udiyah: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Qattan, Manna' Khalil. 1998. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Qaysi, Makki ibn Abi Talib. 1977. *al-Ibanah 'an Ma'ani al-Qira'at*. al-Qahirah: Dar al-Nahdah.

- al-Qudah, Muhammad Ahmad Muflah. 2001. *Muqaddimah fi 'Ulum al-Qira'at*. 'Amman: Dar 'Ammar.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr al-Ansari al-Khazraji. 2003. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub
- al-Safaqisi, 'Ali al-Nuri. 2004. *Ghayth al-Naf'i fi al-Qira'at al-Sab'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sakhawi, Ilm al-Din. 2008. *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Makkah: Maktabah al-Turath.
- Shahin, 'Abd al-Sabur. 1995. *al-Qira'at al-Qur'aniyyah fi Daw' 'Ilm al-Lughah al-Hadith*. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Shalabi, 'Abd al-Fattah. 1999. *Rasm al-Mushaf al-Uthmani wa Awham al-Mustashriqin fi Qira'at al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Maktabat Wahbah.
- al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim. 2005. *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'*. Tahkik. al-Zu'bi, Muhammad Tamim. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Huda.
- Shukri, Ahmad Khalid. 2006. *Fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah*. 'Amman: Dar al-'Ulum.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. 1988. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Tahkik. Ibrahim, Muhammad Abu al-Fadl. Bayrut: Maktabat al-'Asriyyah.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir ibn Yazid ibn Kathir Abu Ja'far. 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Tahawi, Abu Ja'far Ahmad ibn Muhammad ibn Salamah al-Azdi. 1995. *Ahkam al-Qur'an al-Karim*. Istanbul: Markaz Buhuth al-Islamiyyah.
- al-Tahhan, 'Abd al-Muhaymin & al-Dani, 'Uthman ibn Sa'id. 1988. *al-Ahruf al-Sab'ah li al-Qur'an*. Makkah: Maktabat al-Manarah.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa ibn Sawrah ibn Musa al-Dahhak. 1977. *Sunan al-Tirmidhi*. al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
MALAYSIA
zulfiqar@fsk.upsi.edu.my
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah
Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
tokwedin@ukm.edu.my
- Sabri Mohamad
Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
sabri_m@ukm.edu.my
- Mohd Abdul Nasir Abdul Latif
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
MALAYSIA
muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my